

Impak Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor Terhadap Politik

Irny Suzila Ishak¹, Hasliza Mohamad Ali², Nasruddin Md Rahim³, Izwan Suhadak Ishak⁴

¹Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran, UNISEL

² Pusat Pengajian Asasi dan Umum, UNISEL

³Fakulti Kejuruteraan dan Sains Hayat, UNISEL

⁴ Pusat Jaringan Komuniti dan Kegiatan Pelajar (COMNET), UNISEL

E-mel: irny@unisel.edu.my, liza_ali@unisel.edu.my, nasrudin@unisel.edu.my, izwan@unisel.edu.my

Abstrak: Pembangunan usahawan kecil amat dititikberatkan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dan melebarkan golongan kelas menengah. Sejak tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan geran untuk Pinjaman Mikro Kredit Hijrah Selangor sebanyak 100 juta bagi pembangunan usahawan kecil. Namun begitu, masih belum ada kajian tentang impak Program Pinjaman Mikro Kredit Hijrah Selangor. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji impak Pinjaman Mikro Kredit Hijrah Selangor terhadap politik. Kajian ini telah dilaksanakan menggunakan kajian tinjauan ke atas 1006 peminjam Hijrah Selangor yang telah sekurang-kurangnya melengkapkan satu kitaran pinjaman. Hasil kajian menunjukkan Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor berjaya mempengaruhi kecenderungan mereka untuk menyokong kerajaan negeri sedia ada. Antara faktor yang mempengaruhi kecenderungan politik peminjam adalah dari aspek peranan ahli politik untuk memberikan sokongan bagi Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan HIJRAH SELANGOR, penglibatan aktif dalam persatuan usahawan anjuran kerajaan dan program sokongan usahawan anjuran kerajaan negeri sedia ada bagi membantu usahawan meluaskan jaringan perniagaan.

Kata kunci: Faktor kecenderungan politik, Hijrah Selangor, keberkesanan mikro kredit, kesan politik, pinjaman mikro kredit, usahawan kecil, usahawan Selangor

1. Pengenalan

Perusahaan Kecil dan Sederhana atau lebih dikenali sebagai PKS menjadi sumber pendapatan utama di kalangan negara membangun kerana ia merangkumi 95 peratus keadaan ekonomi sesuatu negara (Jamaiah Haji Yahaya, 2018). PKS juga merupakan antara penyumbang dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui peranan PKS dalam membantu meningkatkan KDNK Malaysia daripada 28.1% pada tahun 2003 kepada 31.9% pada tahun 2010 dan 32% pada tahun 2012 (Rosli et al., 2014). Malah berdasarkan pembentangan bajet 2016 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengatakan bahawa jangkauan sumbangan oleh PKS kepada KDNK negara adalah sebanyak 41% menjelang 2020. Selain daripada itu, kepentingan PKS dapat dilihat berdasarkan jumlah peratusan yang diwakili, iaitu sebanyak 99.2% daripada jumlah keseluruhan perniagaan di Malaysia serta menyediakan hampir 5.6% peluang pekerjaan keusahawanan kepada bumiputera (Sharina et al., 2013). Merujuk kepada Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) 2012-2020, terdapat beberapa platform yang disediakan oleh kerajaan dalam membantu pengusaha dan usahawan untuk berjaya. Antaranya adalah melalui usaha yang dilakukan oleh Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) di mana PKS berpeluang meneroka peluang pasaran pada peringkat global. Hal ini memperlihatkan perubahan permainan dalam industri sekaligus mentransformasikan PKS menjadi pemain antarabangsa.

Program Mikro Kredit Bersepadu atau dikenali sebagai Hijrah Selangor merupakan program untuk pembangunan usahawan PKS. Program ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk melebarkan golongan kelas menengah di Negeri Selangor. Program ini telah

dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali pada 24 Mac 2015. Program ini berteraskan konsep "Pinjaman Asas Simpanan" di mana pinjaman yang diberikan akan digunakan sebagai modal tambahan dalam urusan perniagaan. Program ini mempunyai 4 objektif utama iaitu untuk menawarkan modal tambahan yang mudah, cepat dan tidak membebankan, menggalakkan budaya menabung di kalangan penjaja dan peniaga kecil, mewujudkan rangkaian usahawan yang operasional dan membina usahawan yang berwawasan dan berdaya saing serta berkemahiran dan juga proaktif. Sejak tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi Hijrah Selangor memberikan pinjaman mikro kredit kepada usahawan kecil Negeri Selangor bagi pelaksanaan program membantu usahawan kecil Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai data dan statistik impak Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor kepada perkembangan usahawan di Negeri Selangor. Ini kerana tiada kajian khusus yang dibuat bagi melihat impak setelah usahawan kecil membuat pinjaman mikro kredit dari Pejabat Hijrah Selangor.

Sehubungan dengan itu, satu kajian penilaian impak program perlu dijalankan bagi mengenalpasti keberkesanan Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor ini kepada penerimanya. Matlamat utama kajian penilaian impak adalah untuk memperoleh maklumat tentang keberkesanan sesuatu program yang dianjurkan oleh organisasi. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menentukan keberkesanan Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor. Untuk mengkaji keberkesanan program ini, objektif khusus kajian adalah untuk mengenalpasti kerangka demografi umum pihak berkepentingan dan mengenalpasti kesan Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor terhadap politik dan dasar ekonomi Selangor.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana teknik *survei* (kajian tinjauan) digunakan ke atas peminjam Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor yang telah melengkapkan sekurang-kurangnya satu kitaran pinjaman. Kajian ini menggunakan kaedah teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*). Bilangan sampel ditentukan oleh analisis yang diperlukan oleh kajian ini. Untuk mendapatkan bilangan minimum sampel untuk analisis setiap data, ia boleh ditentukan oleh perisian *Raosoft*. Untuk mempunyai saiz sampel yang lebih besar tidak menjadi masalah ini kerana Mohammad Najib (1999) menekankan bahawa saiz sampel yang lebih besar mempunyai keupayaan untuk mengukuhkan kebolehpercayaan dan kesahan kajian ini. Jumlah sampel yang dicadangkan adalah 1100 orang responden yang dibahagikan mengikut zon menggunakan pengiraan menggunakan formula persampelan rawak berstrata berikut,

$$n_h = \left(\frac{N_h}{N} \right) * n$$

yang mana:

- nh = saiz sampel strata h
- Nh = saiz populasi strata h
- N = saiz populasi keseluruhan
- n = saiz sampel keseluruhan

Contohnya,
 Saiz populasi keseluruhan, N = 9715

Saiz sampel keseluruhan, $n = 1100$

Saiz populasi Zon 1, $N_1 = 4549$

Saiz populasi Zon 2, $N_2 = 2638$

Saiz populasi Zon 3, $N_3 = 2528$

Oleh itu,

Saiz sampel Zon 1, $n_1 = \left(\frac{4549}{9715}\right) * 1100 = 515$ (47%)

Saiz sampel Zon 2, $n_2 = \left(\frac{2638}{9715}\right) * 1100 = 299$ (27%)

Saiz sampel Zon 3, $n_2 = \left(\frac{2528}{9715}\right) * 1100 = 286$ (26%)

Jadual 1. Pecahan Responden Mengikut Zon

Zon	Bilangan Responden
1	515
2	299
3	286
JUMLAH	1100

Soalan kaji selidik telah direkabentuk berdasarkan proses sorotan literatur dan beberapa siri mesyuarat serta bengkel pembentukan instrumen. Draf soalan kaji selidik telah diuji melalui kajian rintis (*pilot test*) ke atas 30 responden yang dipilih untuk menentukan kebolehpercayaan item soal-selidik (*reliability*). Kajian rintis ini perlu dilakukan bagi menentukan kesesuaian soalan serta mengenal pasti kebolehpercayaannya. Sejumlah 30 responden dari kalangan penerima Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor terdekat dipilih dalam proses pra-uji ini. Setelah soalan kaji selidik tadi ditambahbaik, kajian lapangan dilaksanakan ke atas 1100 responden yang telah melengkapkan sekurang-kurangnya satu kitaran pinjaman. Pengumpulan data bagi kaji selidik ini telah dijalankan secara temubual bersemuka menggunakan borang soal selidik. Dalam fasa ini, data hasil *survei* dianalisis menggunakan perisian statistik SPSS.

3. Hasil Kajian dan Perbincangan

Satu kajian tinjauan telah dilaksanakan untuk mengkaji impak Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor pada 15 hingga 28 November 2018 di 22 cawangan Hijrah Selangor. Kawasan meliputi 3 zon dari Sabak Bernam sehingga ke Hulu Selangor. (Sila rujuk Jadual 2). Sebanyak 1126 responden telah ditemubual. Namun begitu, setelah proses pembersihan data, sebanyak 1006 data yang lengkap dan boleh diguna pakai telah dianalisis untuk kajian. Walaupun data yang diproses adalah sebanyak 1006, bilangan ini telah melebihi sampel minimum kajian untuk populasi sebanyak 9175 responden adalah sebanyak 622 orang dengan tahap kepercayaan sebanyak 99% dan tahap kejituan sebanyak

5%. Bagi sampel sebanyak 1006 responden, tahap kejituan adalah sebanyak 3.8%. Pecahan responden adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 2. Senarai Zon dan Cawangan

ZON 1	ZON 2	ZON 3
i. Klang	i. Hulu Langat	i. Selayang
ii. Sabak Bernam	ii. Pandan	ii. Gombak
iii. Sg. Besar	iii. Serdang	iii. Petaling Jaya Selatan
iv. Tg. Karang	iv. Puchong	iv. Petaling Jaya Utara
v. Kuala Selangor	v. Kuala Langat	v. Hulu Selangor
vi. Shah Alam	vi. Sepang	vi. Subang
vii. Kapar	vii. Ampang	vii. Kelana Jaya
viii. Kota Raja		

Jadual 3. Taburan Responden Mengikut Zon

ZON	BILANGAN RESPONDEN
1	421
2	301
3	255
Tidak dispesifikasi	29

Berdasarkan kajian, sebanyak 35.1% responden adalah lelaki dan 64.9% responden adalah perempuan. Sebahagian besar responden adalah Melayu (93.3%) dengan selebihnya berbangsa Cina (2.2%), India (4.0%) dan lain-lain (0.5%). Sebanyak 71.4 % responden adalah berumur antara 21-50 tahun. Selebihnya adalah dalam kategori umur kurang daripada 21 tahun (0.4%) dan responden yang berumur lebih daripada 50 tahun adalah sebanyak 28.1%. Majoriti responden (91.2%) telah berkahwin, (6.9%) bujang, (1.5%) berstatus janda/balu dan (0.5%) pula bergelar duda. Kebanyakan responden (97.5%) adalah sihat namun sebilangan kecil menghadapi sakit kronik (0.3%), OKU (1.4%) dan lain-lain (0.8%).

Kebanyakan responden telah menetap di Selangor melebihi 21 tahun (72.5%). Sebanyak 23.5% adalah responden yang telah tinggal di Selangor antara 11-20 tahun manakala 4.0% pula menetap kurang daripada 10 tahun. Seramai 51.0% daripada responden didapati mempunyai pendidikan peringkat SPM/O LEVEL/SPMV, manakala 23.6% responden adalah berpendidikan peringkat STPM/ Diploma/ STAM dan 6.1% berpendidikan di tahap Ijazah Sarjana Muda.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden memperolehi pendapatan lingkungan RM2001 hingga RM5000 (47.2%). Sebahagian responden mendapat pendapatan kurang RM2000 (25%) manakala 9.1% responden mendapat pendapatan melebihi RM10 000.

Berdasarkan kajian, sebanyak 35.1% responden adalah lelaki dan 64.9% responden adalah perempuan. Sebahagian besar responden adalah Melayu (93.3%) dengan selebihnya berbangsa Cina (2.2%), India (4.0%) dan lain-lain (0.5%). Sebanyak 71.4 % responden adalah berumur antara 21-50 tahun. Selebihnya adalah dalam kategori umur kurang daripada 21 tahun (0.4%) dan responden yang berumur lebih daripada 50 tahun adalah sebanyak 28.1%. Majoriti responden (91.2%) telah berkahwin, (6.9%) bujang, (1.5%) berstatus

janda/balu dan (0.5%) pula bergelar duda. Kebanyakan responden (97.5%) adalah sihat namun sebilangan kecil menghidapi sakit kronik (0.3%), OKU (1.4%) dan lain-lain (0.8%).

Kebanyakan responden telah menetap di Selangor melebihi 21 tahun (72.5%). Sebanyak 23.5% adalah responden yang telah tinggal di Selangor antara 11-20 tahun manakala 4.0% pula menetap kurang daripada 10 tahun. Seramai 51.0% daripada responden didapati mempunyai pendidikan peringkat SPM/O LEVEL/SPMV, manakala 23.6% responden adalah berpendidikan peringkat STPM/ Diploma/ STAM dan 6.1% berpendidikan di tahap Ijazah Sarjana Muda.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden memperolehi pendapatan lingkungan RM2001 hingga RM5000 (47.2%). Sebahagian responden mendapat pendapatan kurang RM2000 (25%) manakala 9.1% responden mendapat pendapatan melebihi RM10 000.

Jumlah responden mengikut sektor perniagaan dan jantina dibentangkan dalam Jadual 4, manakala jumlah responden mengikut sektor perniagaan dan kaum dibentangkan dalam Jadual 5. Berdasarkan Jadual 4, perniagaan pemakanan merupakan perniagaan yang paling tinggi peratusannya iaitu 36.1%, diikuti oleh perniagaan perkhidmatan (30.1%) dan perniagaan pembekal (26.1%). Kebanyakan kategori perniagaan lebih melibatkan usahawan perempuan kecuali perniagaan penternakan yang lebih banyak melibatkan usahawan lelaki. Lebih separuh daripada usahawan yang terlibat dalam perniagaan makanan adalah usahawan perempuan berbanding usahawan lelaki.

Jadual 4. Bilangan Dan Peratus Responden Mengikut Sektor Perniagaan dan Jantina


Sektor Perniagaan	Jantina		Jumlah
	L	P	
	Bilangan (Peratus)		Bilangan (Peratus)
Perniagaan Pembekal	101 (10.0%)	166 (16.5%)	267 (26.5%)
Perniagaan Pemakanan	103 (10.2%)	260 (25.8%)	363 (36.1%)
Perniagaan Perkhidmatan	116 (11.5%)	187 (18.5%)	303 (30.1%)
Perniagaan Pertanian	21 (2.1%)	24 (2.38%)	45 (4.5%)
Perniagaan Penternakan	8 (0.79%)	4 (0.39%)	12 (1.2%)
Perniagaan Pemprosesan	4 (0.39%)	12 (1.19%)	16 (1.6%)
Keseluruhan	353 (35.1%)	653 (64.9%)	1006

Jadual 5 menunjukkan bahawa kebanyakan perniagaan disertai oleh usahawan Melayu. Usahawan Cina banyak terlibat dalam perniagaan perkhidmatan manakala usahawan India banyak terlibat dengan perniagaan perkhidmatan dan perniagaan pembekal. Kaum-kaum lain juga banyak terlibat dengan perniagaan jenis perkhidmatan.

Jadual 5: Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Sektor Perniagaan dan Bangsa

Sektor Perniagaan	Bangsa			
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
	Bilangan dan Peratusan			
Perniagaan Pembekal	245 (24.3%)	6 (0.59%)	16 (1.5%)	0 (0%)
Perniagaan Pemakanan	353 (35.1%)	5 (0.49%)	4 (0.39%)	1 (0.1%)
Perniagaan Perkhidmatan	273 (27.1%)	10 (0.99%)	17 (1.68%)	3 (0.29%)
Perniagaan Pertanian	43 (4.27%)	1 (0.1%)	1 (0.1%)	0 (0%)
Perniagaan Penternakan	11 (1.09%)	0 (0%)	1 (0.1%)	0 (0%)
Perniagaan Pemprosesan	14 (1.39%)	0 (0%)	1 (0.1%)	1 (0.1%)


Dari segi impak Program Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor terhadap politik hasil kajian boleh dilihat pada Rajah 1 hingga Rajah 4. Rajah 1 menunjukkan sebanyak 58.5% responden Hijrah Selangor menyatakan peranan ahli politik untuk memberikan sokongan bagi pinjaman Hijrah Selangor mempengaruhi kecenderungan mereka untuk menyokong parti politik tersebut. Ini kerana ada sebahagian dari usahawan yang memohon pinjaman tidak mempunyai slip gaji dan mendapatkan sokongan ahli politik dalam menyokong permohonan pinjaman.



Rajah 1: Peranan ahli politik mempengaruhi kecenderungan saya untuk menyokong parti politik tersebut


Berdasarkan Rajah 2, dapat dilihat sebanyak 66.2% responden menyatakan Skim Pinjaman Mikro Kredit Hijrah Selangor untuk membantu rakyat mempengaruhi kecenderungan mereka untuk menyokong Kerajaan Negeri sedia ada. Usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan jurang pendapatan rakyat negeri Selangor dengan membantu

pembangunan usahawan didapati memberi kelebihan kepada Kerajaan sedia ada untuk mendapat sokongan dari usahawan.



Rajah 2: Skim Hijrah Selangor yang membantu rakyat mempengaruhi kecenderungan saya untuk menyokong kerajaan negeri sedia ada


Rajah 3 menunjukkan sebanyak 68.1% responden berpendapat program sokongan usahawan anjuran Kerajaan Negeri sedia ada membantu mereka meluaskan jaringan perniagaan. Antara program anjuran Kerajaan Negeri Selangor adalah mengadakan program seperti Program Latihan Usahawan, program Mentor Mentee Usahawan, Karnival Negeri Selangor dan Bazar Ramadan yang membolehkan usahawan untuk mengenali lebih ramai usahawan, mendapatkan ilmu dari usahawan berpengalaman, mendapatkan maklumat pasaran yang lebih luas, kaedah meluaskan pasaran sehingga ke luar negara dan lain-lain peluang perniagaan.



Rajah 3: Program sokongan usahawan anjuran Kerajaan Negeri sedia ada membantu saya meluaskan jaringan perniagaan

Berdasarkan rajah 4, sebanyak 56.3% responden menyatakan bahawa penglibatan aktif dalam persatuan usahawan anjuran Kerajaan mempengaruhi pilihan dalam mengundi

parti yang memerintah Kerajaan berkenaan. Contohnya adalah Dewan Perdagangan Islam Malaysia adalah usaha persatuan di bawah Parti PKR untuk membantu usahawan.



Rajah 4: Penglibatan aktif dalam persatuan usahawan anjuran kerajaan mempengaruhi pilihan saya dalam mengundi parti berkenaan

4. Kesimpulan

Dalam aspek politik, didapati skim Pinjaman Mikro Kredit Perniagaan Hijrah Selangor mempengaruhi kecenderungan mereka untuk menyokong kerajaan negeri sedia ada, mempengaruhi kecenderungan mereka untuk menyokong parti politik tersebut, mempengaruhi pilihan dalam mengundi parti yang memerintah kerajaan berkenaan dan membantu mereka meluaskan jaringan perniagaan. Sesebuah parti politik atau kerajaan harus memberikan perhatian kepada sumbangan mereka kepada pembangunan usahawan dalam ekonomi kerana ia mempengaruhi pilihan rakyat dalam memilih parti memerintah.

5. Penghargaan

Pihak penyelidik ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada Dato' Mansor Othman, Pengerusi Eksekutif HIJRAH SELANGOR, Tn. Haji Roslim Md Akhir, Ketua Pegawai Eksekutif HIJRAH SELANGOR dan Pn. Normaiza Yahya, Ketua Pegawai Operasi HIJRAH SELANGOR kerana mengizinkan kami menjalankan kajian ini dan memberikan data yang diperlukan. Penghargaan juga buat Prof Dato' Dr Mohamad Redzuan bin Othman, En Khairul Arifin Munir, Pn. Azmariana Azman, dan En. Mohd. Firdaus Mohammad dari Institut Darul Ehsan (IDE) atas kolaborasi UNISEL dan IDE untuk melaksanakan kajian ini. Tidak dilupakan, penghargaan buat Prof. Dr. Azami Zaharim, Penasihat Statistik IDE atas khidmat nasihat yang diberikan dalam menambahbaik kajian. Kajian ini disokong dan ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Geran Penyelidikan Impak Program Sektorial Hijrah Selangor.

6. Rujukan

- Francesc Prior & Antonio Argandona. (2009). Credit accessibility and corporate social responsibility in financial institutions: the case of microfinance. *Business Ethics: A European Review*, 18(4), 349–363. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8608.2009.01568.x>
- Hamdino Hamdan, P. O. & W. S. W. H. (2012). Is Microfinance Program in Malaysia Really Effective in Helping the Poor? *World Review of Business Research*, 2(1), 79–97.
- Heloise Weber. (2001). “ *The Imposition of a Global Development Architecture: The Example of Microcredit* ” (01 No. 70). United Kingdom. Retrieved from <http://www.csgr.org>
- Hijrah Selangor dicapai di https://www.hijrahselangor.com/?page_id=202
- Jamaiah Haji Yahaya, S. R. (2018). Model Kesediaan Pelaksanaan Teknologi Maklumat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Ke Arah Era Revolusi Industri 4.0. *Jurnal Pengurusan*, 54, 1-26.
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi & Adibah Hasanah Abd Halim. (2008). Mobilisasi Zakat dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan. *Jurnal Syariah*, 16(Keluaran Khas), 567–584.
- Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) 2012-2020 dicapai di <http://smeinfo.com.my/my/polisi-peraturan/pelan-induk-pks>
- Rosli Mohd Saad, Abdullah Abd Ghani, Shuhymee Ahmad (2014). Kesan Sumber Pembiayaan Ekuiti dan Hutang ke atas Prestasi Perniagaan PKS di Malaysia. *Sains Humanika* 2:1 (151-157)
- Sharina, S., Zeeti, Z., Mohd Nizam, M. N., Rozhan, A. D., & Che Rohani, A. (2013). Khidmat nasihat teknikal MARDI bantu pembangunan PKS. *Economic and Technology Management Review*, 8, 153-163.
- Suraidi Salleh. (2005). *Hubungan Antara Keinginan Pencapaian, Lokus Kawalan, Pengambilan Risiko dan Jaringan Sosial dengan Kejayaan Usahawan Amanah Ikhtiar Malaysia di Kelantan*. Universiti Putra Malaysia.